

23/09/1997

PM arah rakyat kawal pencemaran

Kamal Ahmad; Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat jangan menyerahkan tugas mencegah jerebu sepenuhnya kepada kerajaan, sebaliknya turut sama mengawal pencemaran.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan tidak memiliki kemampuan yang besar untuk mengawal kadar pencemaran kerana batasan kewangan dan guna tenaga.

Sehubungan itu, katanya, orang ramai perlu memahami keadaan sebenarnya dan melaksanakan pelbagai cadangan pencegahan yang diumumkan sebelum ini dengan sukarela, tanpa dipaksa.

Ini termasuk mengurangkan penggunaan kenderaan dengan berkongsi kereta, mengurangkan penggunaan motosikal dua lejang, memakai topeng pernafasan apabila berada di luar rumah dan mengurangkan kegiatan luaran sama sekali.

"Keupayaan kerajaan adalah terhadap kecuali anda sanggup membayar cukai yang lebih tinggi dan kerajaan boleh menempatkan kakitangan penguatkuasa untuk memberitahu apa yang boleh dibuat dan tidak boleh dibuat.

"Kita mahu rakyat faham dan bersikap sukarela. Kerajaan kini melakukan lebih daripada orang lain kerana idea yang dicetuskan datang dari kami, dan bukan orang ramai," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara (JPBBN) di sini, hari ini.

Turut hadir di sidang akhbar itu ialah Pengerusi JPBBN, Datuk Mohamed Rahmat dan Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Negara, Datuk Jaafar Ismail.

Dr Mahathir yang juga Pengarah Gerakan Negara, berkata semua taman bimbingan kanak-kanak diarah tutup apabila Indeks Pencemar Udara (API) di kawasan masing-masing mencatatkan bacaan melebihi 300.

Perdana Menteri berharap media massa akan menyampaikan kepada orang ramai mengenai semua tindakan yang perlu diambil ketika musim berjerebu walaupun ada antaranya tidak dipersetujui media massa seperti tindakan menutup sekolah.

"Umpamanya tutup sekolah... kita tutup sekolah dia pulak main di luar rumah. Tetapi kalau kita tak tutup sekolah, sesetengah sekolah ini jauh daripada rumah dan mereka terpaksa berjalan dalam jerebu untuk sampai ke sekolah.

"Keadaan itu akan mendedahkan diri pelajar berkenaan kepada jerebu," katanya.

Mengenai sektor perindustrian, Dr Mahathir berkata mereka sudah diberitahu mengenai emisi bahan mana yang perlu dikurangkan atau dihentikan sama sekali.

Ditanya mengapa langkah pengawalan kenderaan di pusat bandar tidak dilaksanakan secara mandatori, Dr Mahathir menjelaskan pelaksanaan cadangan itu amat sukar dan tidak praktikal.

"Bayangkan bagaimana kita hendak kuatkuasakan ini. Siapa yang nak tahan mereka. Jadi terpulanglah kepada masyarakat, kalau semua kena ada undang-undang dan penguatkuasaan, maka setengah penduduk kena jadi polis supaya boleh awasi separuh yang lain.

"Tak praktikal kita suruh orang periksa semua kereta, sama ada penting atau tidak," katanya.

Mengenai tidak banyak syarikat bas sanggup memberikan kadar tambang lebih murah, Perdana Menteri berkata, sudah tiba masanya bagi syarikat berkenaan untuk memberi sumbangan kepada negara.

Beliau turut membidas pihak tertentu yang cuba membuat untung dengan menjual topeng pernafasan pada harga yang lebih tinggi daripada

sebenarnya.

(END)